

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HSI 341 Sejarah Asia Barat Moden

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Faisal bin `Abdul `Aziz (1964 - 1975) merupakan seorang pembangun negara dan pembela Islam yang gigih dalam sejarah `Arab Sa`udi moden. Setujukah anda?
2. Kepimpinan, lebih daripada faktor-faktor lain, yang menyebabkan golongan al-Sanusi gagal untuk mempertahankan wilayah pemerintahan mereka daripada terjatuh ke bawah penjajahan Itali. Setujukah anda?
3. Imperialisme Perancis telah menyebabkan rakyat pribumi al-Jazair (Algeria) kehilangan segala hak mereka. Ulaskan!
4. Dalam pemikiran dan perjuangannya, Sayyid Muhammad Rasyid Rida lebih merupakan seorang modernis berbanding dengan gurunya, Syaikh Muhammad `Abduh. Setujukah anda?
5. Mengapakah Revolusi Iran tahun 1979 begitu mengejutkan?
6. Pengalaman hidup Badi`uzzaman Sa`id Nursi menggambarkan betapa pentingnya pertembangan antara Islam dengan sekularisme di Turki. Komen!

7. "Perang Suez tahun 1956 telah mendedahkan betapa eratnya pakatan antara pihak imperialis Barat dengan Israel". Bincangkan.

8. "Nasir dengan dasarnya yang berteraskan sosialisme Arab yang digabungkan pula sejak tahun 1961 dengan sosialisme Islam telah menimbulkan kegelisahan serta penindasan dalam masyarakat Mesir". Bincangkan.

-oooOOOooo-